



SOALAN-SOALAN LAZIM

Program PEMULIH Mikro Kredit

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah yang dimaksudkan dengan Program PEMULIH Mikro Kredit ('Program')?	Program yang menawarkan pembiayaan kepada usahawan mikro sedia ada yang melibatkan pembelian aset tetap dan modal pusingan perniagaan/projek bagi aktiviti berdasarkan pengeluaran makanan yang merangkumi keseluruhan rantai pembekalan makanan bermula dari pengeluaran hasil sumber makanan (penanaman, ternakan, dan penangkapan), pemprosesan, pengedaran, pemasaran dan perkhidmatan penyediaan makanan.
2	Siapakah yang layak memohon kemudahan pembiayaan di bawah Program ini?	<p>Usahawan mikro sedia ada yang memenuhi ciri-ciri khusus seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Warganegara Malaysia; ii. Berumur di antara 18 tahun (semasa permohonan) sehingga 70 tahun (semasa tamat tempoh pembiayaan); iii. Perniagaan telah berjalan sekurang-kurangnya bagi tempoh enam (6) bulan dengan dibuktikan melalui dokumen yang relevan seperti lesen perniagaan atau perjanjian sewaan premis perniagaan atau dokumen-dokumen transaksi perniagaan atau pendaftaran perniagaan; iv. Rekod <i>Credit Tip Off Service (CTOS)</i> atau lain-lain dokumen yang diterima oleh Agrobank yang menunjukkan tiada sebarang tindakan undang-undang yang masih berkuatkuasa ke atas pemohon; v. Tidak disenarai hitam dalam Anti-Money Laundering; vi. Tidak disenarai hitam dalam <i>Anti-Money Laundering/Combating the Financing of Terrorism (AML/CFT) Watchlist</i> atau mana-mana carian yang berkaitan.
3	Bagaimanakah permohonan kemudahan pembiayaan boleh dilakukan?	Permohonan pembiayaan boleh dilakukan di mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon.
4	Apakah jenis produk kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	Pembiayaan berjangka di bawah produk asas Agro MUS1M-i dan Term Financing-i.
5	Berapakah jumlah kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	<ul style="list-style-type: none"> i. Minimum : RM 1,000.00 ii. Maksimum : RM 75,000.00
6	Berapakah kadar keuntungan yang terpakai ke atas pelanggan bagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	<ul style="list-style-type: none"> i. 0% dalam tempoh enam (6) bulan pertama (iaitu dalam tempoh moratorium) dan bagi bulan ke-7 dan seterusnya kadar keuntungan dikenakan pada kadar 3% setahun; ii. Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan baki bulanan.
7	Berapakah kadar caj ganti rugi (ta'widh) yang terpakai di bawah kemudahan pembiayaan ini?	1% setahun atas jumlah bayaran yang tertunggak semasa.
8	Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan dan moratorium dibawah Program ini?	<ul style="list-style-type: none"> i. Sehingga 108 bulan termasuk enam (6) bulan moratorium; ii. Tempoh minimum kemudahan pembiayaan adalah 12 bulan termasuk tempoh moratorium.



SOALAN-SOALAN LAZIM

Program PEMULIH Mikro Kredit

NO.	SOALAN	JAWAPAN
9	Adakah Fi & lain-lain kos dikenakan kepada pelanggan berhubung kemudahan pembiayaan ini?	<p>Fi dan kos yang melibatkan penyempurnaan suratcara pembiayaan seperti sumbangan takaful kredit, setem duti dan lain-lain kos yang berkaitan adalah ditanggung oleh pelanggan.</p> <p>Bagi tujuan di atas, pelanggan adalah dibenarkan untuk membuat pembayaran melalui wang kemudahan pembiayaan semasa proses pengeluaran wang kemudahan pembiayaan dilaksanakan.</p>
10	Adakah cagaran diperlukan?	Tiada cagaran yang diperlukan oleh pihak bank.
11	Bagaimanakah kaedah pembiayaan disalurkan?	Dibenarkan secara sekali gus kepada pelanggan atau secara terus kepada pembekal dengan tertakluk kepada terma dan syarat.
12	Bagaimanakah kaedah pembayaran kemudahan pembiayaan?	Bermula dari bulan ke-7 adalah secara ansuran bulanan. Walaupun demikian pelanggan digalakkan untuk membuat pembayaran awal secara bayaran pendahuluan (<i>advance payment</i>) dalam tempoh moratorium iaitu bulan pertama hingga ke-6.
13	Apakah dokumen yang diperlukan bagi tujuan permohonan kemudahan pembiayaan?	<ul style="list-style-type: none"> • Borang permohonan kemudahan pembiayaan yang lengkap. • Salinan kad pengenalan pemohon dan pemohon bersama (bagi permohonan bersama, sekiranya berkenaan). • Penyata akaun simpanan bank atau rekod jualan perniagaan bagi tempoh enam (6) bulan terkini. • Salinan pendaftaran perniagaan atau lesen peniagaan bagi perniagaan yang melibatkan premis tetap.
14	Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini perlu dilakukan?	<p>Secara ansuran bulanan melalui mana-mana saluran berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Arahan tetap (SI); ii. Deposit tunai (CDM); iii. <i>Pemindahan atas talian (melalui mesin juruwang automatik (ATM) atau melalui perbankan internet);</i> iv. Melalui kaunter mana-mana cawangan Agrobank.
15	Bagaimanakah cara mendapatkan keterangan lanjut atau borang permohonan berhubung Program ini?	<ol style="list-style-type: none"> i. Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476; ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank www.agrobank.com.my; iii. Kunjungi cawangan Agrobank yang berhampiran; iv. Layari media sosial rasmi Agrobank di <i>Facebook, Instagram, Twitter</i>.